

19 MAR 2001

Mahathir-Pembangkang

PEMBANGKANG BATU PENGHALANG PEMBANGUNAN NEGARA, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 19 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyelar parti-parti pembangkang yang sering menjadi batu penghalang kepada pembangunan di negara ini untuk meraih populariti.

Katanya pembangkang bukan mahukan pembangunan, sebaliknya menjadi pengganggu kepada apa sahaja kebaikan yang ingin dibuat oleh kerajaan.

"Dan kita boleh lihat betapa banyaknya pembangunan yang telah dilakukan oleh kerajaan di negara ini, dalam pada dibangkang oleh parti-parti pembangkang," kata beliau selepas mesyuarat pra-persidangan bagi anggota Parlimen Barisan Nasional (BN) di bangunan Parlimen di sini.

Pada perjumpaan itu Perdana Menteri telah meminta semua anggota Parlimen BN meneliti isu-isu semasa yang sedang menjadi tumpuan termasuk oleh parti pembangkang selain mengetahui pendirian kerajaan dan alasan-alasannya.

Dr Mahathir, yang bercakap kepada pemberita di ruang legar bangunan Parlimen, percaya pada persidangan Parlimen kali ini pihak pembangkang akan turut bertindak menjadi penghalang pembangunan.

Katanya antara isu yang dijangka dibangkitkan pada persidangan Parlimen kali ini ialah isu SRJKC Damansara, isu pergaduhan penduduk di Jalan Klang Lama, isu pelaburan dalam MAS, isu dividen yang rendah oleh Tabung Haji dan KWSP.

Perdana Menteri berkata, Parlimen akan membincangkan dua perkara besar iaitu rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga dan rancangan lima tahun Rancangan Malaysia Kelapan tetapi beliau percaya kali ini pembangkang akan juga menjadikan masalah-masalah kecil sebagai isu besar.

Dr Mahathir berkata, tindakan pembangkang sebagai batu penghalang sebelum ini antara lain telah menyebabkan kos pembangunan menjadi lebih tinggi kerana pelaksanaannya terpaksa ditanggungkan.

"Kalau kita perhatikan di seluruh Malaysia, kalau kita ikut parti lawan, tak ada satu yang boleh kita buat.

"Kalau kita ikut logik parti lawan, tak adalah rancangan perairan Muda, tak ada rancangan perairan di Kelantan, tak ada Jambatan Pulau Pinang, tak ada lebuhraya Utara-Selatan, tidak ada segalanya.

"Nak buat kereta Proton tak boleh, nak buat apa pun tak boleh, semuanya tak baik belaka," katanya.

Dr Mahathir memberi contoh bangkangan mereka terhadap rancangan perairan Muda kononnya kerana kata mereka tanahpun perlu berehat selama enam bulan, tak patut tanam padi setahun dua kali dan orang tak boleh kerja sepanjang tahun kerana takut basah hujung kain mereka.

"Sekarang mereka tahu bahawa rancangan perairan Muda begitu menguntungkan sehingga pengikut-pengikut mereka kalau tak dapat bekalan air, dah marah kepada kerajaan kerana...'kenapa kami tak boleh tanam padi setahun dua kali,' tapi dulu merekalah yang menentang," katanya.

Perdana Menteri berkata negara akan rosak jika kehendak pembangkang dituruti.

Perdana Menteri berkata kerajaan bersedia untuk menjawab semasa sesi soal jawab di Dewan Rakyat, berhubung kejadian pergaduhan di Jalan Klang Lama untuk menjelaskan kepada orang ramai apa yang sebenarnya berlaku.

Katanya kerajaan menganggap kestabilan negara adalah amat penting terutamanya apabila ada pihak-pihak yang bercadang untuk menggugat keadaan itu.

"Mereka begitu tertarik dengan keadaan yang tidak stabil di negara lain kerana berharap kalau keadaan itu wujud, maka kerajaan ini akan dapat dijatuhkan.

"Mereka lihat di beberapa negara apabila ada rusuhan dan demonstrasi jalanan, maka kerajaan dapat dijatuhkan," katanya.

Dr Mahathir berkata, pihak-pihak berkenaan juga nampak peluang daripada apa yang berlaku di Jalan Klang Lama, untuk mengeksploitasinya dan mencari populariti terutama di kalangan golongan miskin.

"Golongan miskin memang rasa tertekan, dan apabila datang orang tertentu, yang membakar hati mereka dengan tuduhan... lihatlah di Malaysia ini begitu banyak kekayaan, Petronas Twin Towers (Menara Kembar) sedangkan kami miskin, bila main isu macam itu mudah sangat membakar hati orang.

"Bila kita bakar hati orang dan mereka bertindak ganas tanpa rasa bertanggungjawab, maka orang miskin itu akan menjadi mangsa," katanya.

Perdana Menteri berkata, enam orang terbunuh dan ramai yang cedera dalam pergaduhan di Jalan Klang Lama itu tetapi orang yang menghasut tidak mengalami apa-apa masalah.

"Mereka menunggu sahaja, kalau berlaku rusuhan di jalan raya seperti yang dirancang oleh mereka, apabila kerajaan jatuh mereka harap merekalah yang mendapat nikmat," katanya.

Kerajaan, katanya, sedang melihat masalah kemiskinan di bandar dan luar bandar untuk mencari jalan terbaik bagi mengatasinya.

Dr Mahathir berkata, kemiskinan di bandar dan kemiskinan luar bandar adalah berbeza. Ini kerana di bandar, walaupun seseorang mempunyai pendapatan yang agak tinggi dan dapat memiliki kereta dan peralatan rumah, dia dianggap miskin jika tinggal di kawasan setinggan.

Di kawasan luar bandar pula mereka bukan setinggan dan lebih mudah bagi kerajaan untuk membantu mereka.

"Jadi kita tak boleh pukul borong, ada yang betul-betul miskin, yang tak ada kerja, tak ada rumah, tak ada tempat.

"Tapi bagi yang lain (setinggan), walaupun kita beri rumah kepada dia, dia tak begitu berminat untuk berpindah ke rumah yang dibina oleh kerajaan kerana sudah tentu mereka terpaksa bayar sewa.

"Sedangkan kalau mereka berada di kawasan setinggan, mereka tak bayar sewa. Ada juga kes-kes yang mana mereka memiliki rumah di tempat lain, mereka bagi sewa rumah itu dan mereka tinggal di kawasan stingingan," katanya.

Perdana Menteri berkata kerajaan perlu memastikan bahawa golongan yang benar-benar miskin mendapat bantuan.

-- BERNAMA  
AFY AFY NMO